

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14 (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pengisytiharan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai (PCB) dengan peruntukan keseluruhan RM486 juta menjadi antara projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan di Perak dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Harapan rakyat Perak agar Pulau Pangkor menjadi terkenal seperti Pulau Langkawi walaupun ia lebih kecil dari segi saiznya namun mempunyai tarikannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kemudahan infrastruktur masih kurang dan tidak mencukupi bagi sebuah pulau yang berstatus bebas cukai. Minta Kementerian menyediakan peruntukan khas supaya infrastruktur di Pangkor dinaik taraf untuk promosi pelancongan yang lebih giat, khususnya cadangan kenderaan elektrik di Pangkor bagi pelan jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah melaksanakan 16 projek pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor, Perak dengan peruntukan berjumlah RM18.944 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10.

2. Untuk makluman, projek terkini yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 ialah Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Galeri Pangkor, Pulau Pangkor, Perak. Projek ini sedang giat dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM) selaku Agensi Pelaksana.

3. Sementara itu, adalah dimaklumkan bahawa Rancangan Malaysia Ke-12 akan bermula pada tahun 2021. Dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan sebarang cadangan pembangunan infrastruktur pelancongan yang bersesuaian melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak. Permohonan yang dikemukakan melalui UPEN Perak seterusnya akan dinilai kebolehlaksanaannya oleh pihak MOTAC sebelum diperakukan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

4. Pada masa yang sama, MOTAC melalui agensinya, Tourism Malaysia sentiasa secara aktif mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unggul bagi menjana pendapatan utama dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.

5. Dalam usaha memajukan industri pelancongan di Negeri Perak, khususnya Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan yang menarik kepada para pelancong domestik dan antarabangsa, MOTAC bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Perak, badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Antara aktiviti dan kempen promosi yang dilaksanakan adalah:

- i) penyertaan di PATA *Dream to Travel Festival 2020*;
- ii) promosi Kempen Pelancongan Domestik- Cuti-Cuti Malaysia;

NO. SOALAN : 55

- iii) program Penyerahan Sijil Pematuhan Garis Panduan Amalan Terbaik Produk Pelancongan di Negeri Perak Pasca Covid 19;
- iv) inisiatif mewujudkan 1,500 keping *Travel Vouchers #TravelPerakLah* Pasca Covid 19;
- v) program *Business To Business* (B2B) Peringkat Negeri Perak;
- vi) penganjuran pertandingan *Pride of Perak (POP) Travels - Cer Citer*;
- vii) program *webinar* yang memfokuskan produk-produk di Wilayah Utara termasuk di Negeri Perak bertajuk Kesana Kesini sebanyak 5 siri;
- viii) *Webinar Perak Online Tourism Symposium 2020*;
- ix) *menerbitkan Booklet 'Pakej MYexperience'*;
- x) *mengadakan Familiarization Trip (Fam Trip)* ke Pulau Pangkor;
- xi) mempromosikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai (PBC); dan
- xii) memuat naik rakaman video program-program kesenian tradisional yang menjadi identiti negeri Perak ke dalam laman media sosial.

Sekian, terima kasih.